



KEMPEN PEROLEHAN KAD KREDIT TAMBAHAN DI LAPANGAN DAN DALAM TALIAN

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Perolehan Kad Kredit Tambahan” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada **1 Januari 2021** pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada **31 Mac 2021** pukul 23:59:59 jam (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan di dalam ini atau diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“**T&S**”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada Pemegang Kad Kredit Prinsipal HLB yang baharu dan sedia ada (“**Pemegang Kad Kredit Prinsipal HLB**”).

Untuk menyertai Kempen:

- (a) Pemegang Kad Prinsipal HLB baharu dikehendaki memohon sekurang-kurangnya satu (1) Kad Layak seperti tertera dalam Jadual 1 di bawah bersama dengan satu (1) kad kredit tambahan Kad Layak semasa Tempoh Kempen;
- (b) Pemegang Kad Kredit Prinsipal sedia ada dikehendaki memohon sekurang-kurangnya satu (1) kad kredit tambahan Kad Layak.

melalui saluran-saluran berikut:

- (i) Cawangan HLB;
- (ii) Jualan Langsung HLB;
- (iii) Perbankan Dalam Talian HLB Connect; atau
- (iv) Laman Web Korporat HLB di www.hlb.com.my (“**Laman Web HLB**”).

Jadual 1: Kad-kad Layak bagi Kempen ini

| Kad Layak | |
|---|------------------------------|
| KAD KREDIT VISA | KAD KREDIT MASTERCARD |
| Infinite P/Infinite/Infinite Doctor's Edition | Emirates World Elite |
| AirAsia Gold/Platinum | Emirates World |
| GSC Gold/Platinum | Emirate Platinum |
| Sutera Platinum | The Store Gold/Platinum |
| WISE Gold | Pacific Gold/Platinum |
| Essential Gold | I'm |

2. Golongan berikut **TIDAK** dianggap Pemegang Kad Kredit Prinsipal HLB dan **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
 - (i) Pemegang Kad yang telah menyertai Kempen Perolehan Kad Kredit lain dalam tempoh yang sama;

- (ii) Pemegang Kad yang akaun Kad Kredit HLB mereka tertunggak;
 - (iii) Pemegang Kad yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit HLB baharu (termasuk mana-mana Kad Layak) sebagai Pemegang Kad Prinsipal dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan itu;
 - (iv) Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank (“**HLISB**”) atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
 - (v) Kakitangan HLB dan/atau HLISB sedia ada.
3. Bagi tujuan Kempen ini:
- (i) Semua permohonan Kad Layak dan kad kredit tambahan Kad Layak oleh Pemegang Kad Kredit Prinsipal HLB melalui saluran seperti mana diperuntukkan dalam Fasal 1 di atas adalah tertakluk kepada kelulusan HLB dan semua permohonan mestilah diluluskan dengan jayanya selewat-lewatnya **30 April 2021**; dan
 - (ii) Semua Kad Layak yang diluluskan mestilah diaktifkan melalui HLB Connect atau Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”) dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak untuk membolehkan Pemegang Kad Kredit Prinsipal HLB layak menyertai Kempen ini (“**Pemegang Kad Layak**”).

KAEDAH KEMPEN

4. Dengan syarat Fasal 3 di atas dipenuhi, Pemegang Kad Layak akan berhak menikmati tawaran-tawaran berikut:

- (a) Pengecualian Fi Tahunan (“Pengecualian Fi Tahunan”)**
 - (i) Pemegang Kad Layak, yang telah melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit (seperti ditakrif menurut Fasal 5 di bawah) dari sebarang jumlah untuk setiap Kad Layak diluluskan dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak akan berhak menikmati Pengecualian Fi Tahunan tahun pertama.
 - (ii) Pemegang Kad Emirates World Elite, Emirates World dan Emirates Platinum akan berhak menikmati Pengecualian Fi Tahunan tanpa perlu memenuhi kriteria tersebut di atas dalam Fasal 4(a)(i).
- (b) Pulangan Tunai hingga RM75 dengan Perbelanjaan Runcit (“Pulangan Tunai”)**
 - (i) Pemegang Kad Layak yang telah melakukan minimum lima (5) Perbelanjaan Runcit (seperti ditakrif menurut Fasal 5 di bawah) dari sebarang jumlah dengan Kad Layak diluluskan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak (“Bulan Pertama) akan berhak menerima Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) Pulangan Tunai.
 - (ii) Pemegang Kad Layak yang telah melakukan minimum lima (5) Perbelanjaan Runcit berapa pun amannya dengan Kad Layak pada setiap dua (2) bulan berturut-turut berikutannya (“Bulan Ke-2 dan Bulan Ke-3), akan berhak menerima Ringgit



Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) Pulangan Tunai bagi setiap bulan seperti tertera dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2

| Bulan Kelulusan Kad | Bulan Pertama | Bulan Ke-2 | Bulan Ke-3 |
|---------------------|----------------------------------|------------------------------------|------------------------------------|
| 1 - 31 Jan 2021 | Belanja sebelum/pada 31 Mac 2021 | Belanja sebelum/pada 30 Apr 2021 | Belanja sebelum/pada 31 Mei 2021 |
| 1 – 28 Feb 2021 | Belanja sebelum/pada 30 Apr 2021 | Belanja sebelum/pada 31 Mei 2021 | Belanja sebelum/pada 30 Jun 2021 |
| 1 – 31 Mac 2021 | Belanja sebelum/pada 31 Mei 2021 | Belanja sebelum/pada 30 Jun 2021 | Belanja sebelum/pada 31 Julai 2021 |
| 1 – 30 Apr 2021 | Belanja sebelum/pada 30 Jun 2021 | Belanja sebelum/pada 31 Julai 2021 | Belanja sebelum/pada 31 Ogos 2021 |

- (iii) Setiap Pemegang Kad Layak berhak mendapat Pulangan Tunai sehingga Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima (RM75) sepanjang Tempoh Kempen.
- (iv) Jumlah peruntukan Pulangan Tunai dihadkan setakat Ringgit Malaysia Tiga Puluh Tujuh Ribu Lima Ratus (RM37,500) atas dasar siapa cepat dia dapat sepanjang Tempoh Kempen.
- (v) Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat-syarat seperti tertera di atas (“Pemenang”), Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Pemenang mengikut Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Jadual Pemenuhan Kempen

| Bulan Kelulusan Kad Layak | Bulan Pemenuhan Kempen |
|---------------------------|--------------------------------|
| Januari 2021 | Sebelum/pada 30 Jun 2021 |
| Februari 2021 | Sebelum/pada 31 Julai 2021 |
| Mac 2021 | Sebelum/pada 31 Ogos 2021 |
| April 2021 | Sebelum/pada 30 September 2021 |

- (vi) Para pemenang akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiaran senarai Pemenang (iaitu nama dan/atau nombor Kad Layak terlindung dan/atau kelayakan pulangan tunai) di Laman Web HLB dalam bulan sama dengan Bulan Pemenuhan Kempen.
- (vii) Sekiranya Pulangan Tunai tidak diterima, para Pemenang hendaklah memberitahu HLB melalui Pusat Hubungan Hong Leong di +603-7626 8899 selewat-lewatnya satu (1) bulan selepas Bulan Pemenuhan Kempen, jika tidak para Pemenang akan dianggap telah menerima Pulangan Tunai itu.
- (viii) HLB tidak berkewajipan untuk memberitahu Pemegang Kad Layak jika sekiranya Pulangan Tunai telah mencecah peruntukan maksimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh Tujuh Ribu Lima Ratus (RM37,500) sepanjang Tempoh Kempen semasa atau



sebelum tamatnya Tempoh Kempen.

5. Perbelanjaan Runcit bermaksud sebarang pembelian runcit dan dalam talian (termasuk arahan tetap dan Pelan Bayaran Mudah 0% (“**EPP**”)) yang dilakukan di dalam negara dan/atau luar negara (termasuk perbelanjaan yang dibuat dalam Ringgit Malaysia (“**RM**”)) dan/atau mata wang lain) yang telah berjaya dicaj kepada Kad Layak. Pembelian runcit yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.
6. Perbelanjaan Runcit **tidak termasuk** yang berikut:
 - (i) pengeluaran wang tunai dengan apa-apa cara (iaitu Mesin Teler Automatik, melalui kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai, dll.);
 - (ii) produk portfolio seperti Pindahan Baki (“**BT**”), Call-For-Cash Plus (“**CFC Plus**”), Call-For-Cash (“**CFC**”) dan Pelan Bayaran Fleksi (“**FPP**”);
 - (iii) transaksi JomPAY dan transaksi berkaitan kerajaan;
 - (iv) transaksi dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
 - (v) apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.

TERMA & SYARAT AM

7. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Kredit Prinsipal HLB:
 - (i) bersetuju mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit yang boleh disemak di Laman Web;
 - (ii) bersetuju semua rekod tarikh transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakam oleh sistem HLB dalam Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
 - (iii) bersetuju keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak;
 - (iv) bersetuju Pengecualian Fi Tahunan dan Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barang;
 - (v) bersetuju mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen ini, untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S dan mengambil tindakan susulan dengan HLB jika mereka disenaraikan untuk kelayakan menerima Pulangan Tunai;
 - (vi) memberi keizinan kepada HLB untuk mendedahkan atau menyiar nama, nombor kad pengenalan (dalam bentuk terlindung), nombor Kad Layak (dalam bentuk terlindung), amaun Pulangan Tunai dan/atau foto mereka di Laman Web HLB;
 - (vii) membenarkan HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga HLB, M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) yang HLB anggap wajar bagi tujuan Kempen ini; dan
 - (viii) bersetuju menentukan semua Kad Layak diluluskan adalah sah, aktif, berkedudukan baik dan tidak melanggar mana-mana T&S Kempen ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit sepanjang Tempoh Kempen dan di peringkat

pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai. Bagi mengelakkan keraguan, jika Pemenang mempunyai lebih daripada 1 Kad Layak, Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Layak yang mempunyai bilangan transaksi yang terbanyak.

8. HLB berhak:
 - (i) melupuskan dan/atau menolak balik Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai jika berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit atau penamatkan Kad Layak semasa Tempoh Kempen dan/atau di peringkat pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai atau tidak mematuhi T&S di dalam ini;
 - (ii) menggantikan Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai di dalam ini dengan pemberian lain yang sama nilainya dengan cara menyiarkannya di Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Prinsipal HLB;
 - (iii) menambah, menggugurkan atau meminda T&S di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini melalui siaran di Laman Web HLB, atau apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Prinsipal HLB tentang penambahan, pengguguran atau pindaan T&S atau penamatkan Kempen ini; dan
 - (iv) melucutkan kelayakan Pemegang Kad Layak daripada menerima Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit di luar maksud T&S ini, dengan cara atau corak yang HLB anggap luar biasa, di luar aturan dan/atau membayangkan suatu percubaan untuk mendapat faedah tak saksama ke atas Pemegang Kad Layak lain yang mempunyai corak perbelanjaan yang biasa/teratur dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak.
9. HLB tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan permohonan Kad Layak dan/atau transaksi jualan di pihak Visa international Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang menyebabkan Pemegang Kad Prinsipal tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
10. Selain terma-terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Prinsipal HLB bersetuju Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika ada percanggahan antara T&S ini dengan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
11. Sekiranya terdapat peranggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad di Laman Web HLB akan diutamakan.
12. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.



13. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, begitu juga sebaliknya.